



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

14 JUN 2023 (RABU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (KPDN)

14 JUN 2023 (RABU)

Jual gula premium elak harga gula rakyat naik

Kuala Lumpur: Keputusan membenarkan dua syarikat gula tempatan mengeluarkan gula putih bertapis jernih atau gula premium, bertujuan memastikan harga runcit gula putih kasar dan halus tidak dinaikkan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata tindakan itu juga bertujuan membantu dalam menampung kerugian dua syarikat terbabit, iaitu MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) dan Central Sugars Refinery Sdn Bhd (CSR) akibat lonjakan kos pengeluaran gula yang ketara.

Beliau berkata, kerajaan juga mengambil kira beban kewangan yang perlu ditanggung jika memperkenalkan subsidi gula untuk mengekalkan harga kawalan runcit gula putih dan halus, atau dipanggil gula rakyat.

"Menerusi kebenaran penjualan gula premium kepada MSM dan CSR, kerajaan dapat menge-

kalkan harga kawalan runcit gula rakyat pada kadar semasa, selain menambah pilihan produk gula dalam pasaran tempatan kepada pengguna.

"Kos pengeluaran gula ketika ini meningkat kepada RM3.73 sekilogram akibat harga gula mentah dunia melonjak sehingga 134 peratus bulan lalu, selain harga gas asli dunia meningkat sebanyak 143 peratus bagi tempoh sama.

"Situasi itu menyebabkan MSM dan CSR mengalami kerugian kerana kos pengeluaran gula rakyat ketika ini adalah 31 peratus lebih tinggi berbanding harga kawalan runcit RM2.85 sekilogram (gula kasar) dan RM2.95 sekilogram (gula halus) yang ditetapkan kerajaan," katanya ketika memberi penerangan mengenai kebenaran pengeluaran gula putih bertapis jernih di Dewan Rakyat, semalam.

Pada 25 Mei lalu, Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengumumkan kerajaan membenarkan MSM dan CSR mengeluarkan gula putih bertapis jernih yang harganya tidak dikawal kerajaan, sebaliknya ditentukan pasaran.

Mohon harga gula dinaikkan

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata, MSM dan CSR memohon kepada kerajaan supaya harga kawalan runcit gula rakyat ditingkatkan RM1 sekilogram, iaitu masing-masing kepada RM3.85 sekilogram (kasar) dan RM3.95 sekilogram (halus), atau sebagai ganti kerajaan memperuntukkan subsidi jika harga kawalan masih dikekalkan.

Namun, katanya, bekalan gula dan kepentingan rakyat isi rumah, penjaja dan peniaga kecil sentiasa menjadi keutamaan kerajaan.

"Dengan mengambil kira kos pengeluaran semakin membe-

bankan serta kemaslahatan industri gula tempatan, termasuk tanggungan kerajaan sekiranya membabitkan pemberian subsidi, maka Kementerian mengamalkan keputusan membenarkan pengeluaran gula jernih (gula premium) untuk dijual di pasaran runcit bertujuan memberikan pilihan kepada pengguna," katanya.

Salahuddin menegaskan, pengeluaran gula premium tidak akan menggantikan bekalan gula kasar dan halus yang akan terus dikeluarkan kedua-dua syarikat selaras keperluan pengguna dan peniaga.

Katanya, kerajaan mengarahkan MSM dan CSR untuk memastikan bekalan gula rakyat sentiasa mencukupi dan tidak terjejas selaras Peruntukan 12A Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974, dengan mematuhi jumlah minimum pengeluaran dan pengedaran yang ditetapkan.



KAMALLUDIN (tengah) bersama barangan rampasan di Pejabat KPDN Perak di Ipoh semalam.

KPDN lupus barangan rampasan RM1.16 juta

IPOH – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPND) Perak melupuskan pelbagai barangan rampasan bernilai RM1.16 juta melibatkan 79 kes tahun lalu.

Pengarahnya, Datuk Kamalludin Ismail berkata, rampasan itu melibatkan tindakan kes di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Cap Dagang 2019, Akta Hak Cipta 1987, Akta Timbang dan Sukat 1972, Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999.

Katanya, semua barang rampasan itu telah selesai proses di mahkamah dan mendapat kebenaran untuk dilupuskan.

"Pelupusan itu membabitkan barangan rampasan seperti kenderaan, pakaian, minyak diesel, gas petroleum cecair (LPG) dan alat ganti kenderaan," katanya pada sidang akhbar Pelupusan Eksibit Perdana KPND Perak di sini semalam.

Menurut beliau, dari Januari hingga Mei lalu juga, KPND Perak telah melupuskan barang rampasan bernilai RM1.36 juta membabitkan 45 kes.

Tambahnya, jumlah yang direkodkan bagi lima bulan pertama tahun ini dilihat menunjukkan peningkatan berbanding tahun lalu sebanyak RM1.16 juta.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

MEDIA ONLINE (KPDN)

14 JUN 2023 (RABU)

BERITA ONLINE BERTARIKH 14 JUN 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
14-Jun	Gula Rakyat harga dikawal kerajaan, pengeluar tiada subsidi	https://suaramerdeka.com.my/gula-rakyat-harga-dikawal-kerajaan-pengeluar-tiada-subsidi/	SUARAMERDEKA
14-Jun	Gula: Menangislah air mata darah, saya tidak berkompromi – Salahuddin	https://malaysiagazette.com/2023/06/13/gula-menangislah-air-mata-darah-saya	MALAYSIAGAZETTE
14-Jun	Benar MSM, CSR jual gula premium untuk elak harga gula rakyat naik	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/06/1113884/benar-msm-csr-jual-gula-premium-untuk-elak-harga-gula-rakyat-naik	BH
14-Jun	KPDN Perak lupus barang rampasan RM1.16 juta	https://www.kosmo.com.my/2023/06/13/kpdn-perak-lupus-barang-rampasan-rm1-16-juta/	KOSMO
14-Jun	Fake goods worth over RM85,000 destroyed in Perak	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/06/13/fake-goods-worth-over-rm85000-destroyed-in-perak	THESTAR
14-Jun	KPDN Perak lupus barang rampasan RM1.16 juta	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/kpdn-perak-lupus-barang-rampasan-rm1-16-juta/	UM
14-Jun	Salahuddin: Immediate blacklist if found colluding to manipulate sugar price	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/06/13/salahuddin-immediate-blacklist-if-found-colluding-to-manipulate-sugar-price/74093	MALAYMAIL
14-Jun	Disenarai hitam serta-merta jika sekongkol manipulasi harga gula - KPDN	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/disenarai-hitam-serta-merta-jika-sekongkol-manipulasi-harga-gula-kpdn-423820%3famp=1	ASTROAWANI
14-Jun	Immediate blacklist if found colluding to manipulate sugar price	https://bernama.com/en/general/news.php?id=2197713	BERNAMA

14-Jun	Disenarai hitam serta-merta jika sekongkol manipulasi harga gula - KPDN	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2197756	BERNAMA
14-Jun	KPDN akan senarai hitam serta merta pihak manipulasi harga gula	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/06/1114018/kpdn-akan-senarai-hitam-septa-merta-pihak-manipulasi-harga-gula	BH
14-Jun	Disenarai hitam serta merta manipulasi harga gula - KPDN	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/263272	SH
14-Jun	Syarikat tak minat sertai industri gula kerana harga dikawal, kata Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.freemalaysiatoday.com/amp/category/bahasa/tempatan/2023/06/13/syarikat-tak-minat-sertai-industri-gula-kerana-harga-dikawal-kata-salahuddin/	FMT
14-Jun	Disenarai hitam serta-merta jika sekongkol manipulasi harga gula: KPDN	https://www.utusanborneo.com.my/2023/06/13/disenarai-hitam-septa-merta-jika-sekongkol-manipulasi-harga-gula-kpdn	UMBORNEO
14-Jun	Peniaga jual gula secara bersyarat berdepan tindakan tegas termasuk gantung lesen	https://selangorkini.my/2023/06/peniaga-jual-gula-secara-bersyarat-berdepan-tindakan-tegas-termasuk-gantung-lesen/	SELANGORKINI
14-Jun	'Menangislah air mata darah, saya tak akan kompromi demi rakyat' - Salahuddin Ayub	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/263216	SH
14-Jun	KPDN akan senarai hitam serta merta pihak manipulasi harga gula	https://youtu.be/ihl1mnIPHOk	HM

14-Jun	Jangan jual gula secara bersyarat	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2197828	BERNAMA
14-Jun	Retailers remained not sell sugar with conditions attached	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2197829	BERNAMA
14-Jun	Jangan jual gula secara bersyarat - Fuziah Salleh	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/jangan-jual-gula-secara-bersyarat-fuziah-salleh-423829%3famp=1	ASTROAWANI
14-Jun	Fuziah reminds retailers nationwide not to sell sugar with conditions attached	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/06/13/fuziah-reminds-retailers-nationwide-not-to-sell-sugar-with-conditions-attached/74142	MALAYMAIL
14-Jun	'Jangan jual gula secara bersyarat'	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/06/1114102/jangan-jual-gula-secara-bersyarat	BH
14-Jun	KPDN Perak terima 31 aduan berkaitan gula sejak Januari	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-perak-terima-31-aduan-berkaitan-gula-sejak-januari-423770%3famp=1	ASTROAWANI
14-Jun	Domestic Trade Ministry received 31 sugar related complaints in Perak since January	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/06/13/domestic-trade-ministry-received-31-sugar-related-complaints-in-perak-since-january/74066	MALAYMAIL
14-Jun	KPDN received 31 sugar related complaints in Perak since January	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2197677	BERNAMA
14-Jun	KPDN received 31 sugar related complaints in Perak since January	https://www.thesundaily.my/local/kpdn-received-31-sugar-related-complaints-in-perak-since-january-BJ11097042	THESUNDAILY
14-Jun	KPDN Perak terima 31 aduan isu gula	https://www.kosmo.com.my/2023/06/13/kpdn-perak-terima-31-aduan-isu-gula/	KOSMO

14-Jun	KPDN Perak terima 31 aduan berkaitan bekalan gula sejak Jan	https://m.malaysiakini.com/news/668542	MALAYSIAKINI
14-Jun	Pastikan gula cukup menjelang Aidiladha	https://harakahdaily.net/index.php/2023/06/13/pastikan-gula-cukup-menjelang-aidiladha/	HARAKAHDAILY
14-Jun	13 JUN 2023 -BERITA WILAYAH-KPDN LUPUS BARANG RAMPASSAN-MELIBATKAN 2,845 BARANG BER-NILAI RM87,979	https://youtu.be/UpxvyL3M884	BERITARTM